

# Majlis Pelancaran Kolej Kediaman B & C

Oleh : Nurazrina Abd.Rahman



Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perlis, Dato' Seri Shahidan Kassim dalam ucapannya menyatakan kesudian kerajaan negeri untuk membantu KUKUM dalam menghadapi pelbagai masalah bagi menghargai kehadiran KUKUM yang telah menjana ekonomi negeri Perlis.

Dato' Seri tidak lupa mengingatkan penduduk setempat supaya mengambil peluang daripada kehadiran pelajar-pelajar ini untuk meningkatkan ekonomi masing-masing kerana kawasan Kuala Perlis sememangnya terkenal dengan penduduknya yang pandai bermiaga.

Pelajar-pelajar turut diingatkan supaya membawa budaya yang bersih sebagai seorang mahasiswa untuk menjadi contoh kepada penduduk setempat dan mengelakkan diri daripada terjebak dengan aktiviti-aktiviti yang tidak sihat.

**PERLIS, 29 Mei 2003 - Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perlis, Dato' Seri Shahidan Kassim telah menyempurnakan majlis Perasmian Kolej Kediaman B & C di Kampung Wai, Kuala Perlis.**

Hampir 500 orang jemputan telah menghadiri majlis tersebut yang terdiri daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat, Exco-Exco Negeri Perlis, Ketua-ketua Jabatan setempat seperti Ketua Polis Negeri, Penguasa Kastam Negeri dan juga penduduk-penduduk sekitar Kuala Perlis. Majlis perasmian ini turut meraikan rombongan pelajar daripada Universiti Teknologi Mara Sarawak yang mengadakan lawatan ke negeri Perlis.

Sebelum majlis dimulakan, staf dan pelajar-pelajar KUKUM mengadakan sembahyang hajat dan bacaan Yasin bagi memberkati majlis dan mendoakan kesejahteraan KUKUM khasnya dan negeri Perlis amnya. Dalam majlis ringkas dan penuh bermakna ini juga, hadirin turut diperdengarkan lagu WawasanKu yang merupakan lagu rasmi KUKUM yang disampaikan oleh pasukan koir KUKUM buat pertama kalinya. Selain itu, pihak urusetia majlis pelancaran memukau hadirin dengan gimik sebuah helikopter menghantar utusan kepada Y.A.B Menteri Besar Perlis.

